

Keberkesanan Penurunan Kadar OPR Menjana Pertumbuhan Ekonomi

oleh Dr Zulkipli Omar

Fello Penyelidik Kanan

Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER)¹

Pertumbuhan permintaan domestik yang kukuh perlu untuk menjana pertumbuhan ekonomi Malaysia pada tahun ini kerana kelembapan permintaan antarabangsa. Keadaan ekonomi dunia masih terumbang ambing. Peristiwa *Brexit*, yakni United Kingdom (UK) keluar dari Kesatuan Eropah (EU) menambahkan lagi ketidaktentuan bukan sahaja di EU malah juga lain-lain ekonomi utama dunia. Pergerakan dagangan dan modal akan terpengaruh. Bukan itu sahaja, dasar lain-lain negara juga terpengaruh dengan peristiwa ini, terutama dasar berkaitan dengan perdagangan antarabangsa. Ini kerana EU merupakan satu-satunya model kesatuan ekonomi perdagangan bebas melibatkan banyak negara yang berjaya.

Bagi lain-lain ekonomi utama dunia yang mempunyai talian perdagangan dengan Malaysia, keadaan ekonomi mereka bercampur-campur. Jepun menghadapi masalah perbelanjaan swasta yang rendah, walaupun dengan kadar faedah negatif dan langkah kerajaan menanggung kenaikan cukai jualan dari 8.0% ke 10% yang telah diluluskan. Pertumbuhan ekonomi China semakin perlahan kerana China sendiri bergantung kepada permintaan antarabangsa yang kini mengalami pertumbuhan yang lemah. Jadi eksport Malaysia kedua-dua negara tersebut tidak berapa memberangsangkan.

Di kalangan rakan dagang utama Malaysia, cuma Amerika Syarikat (AS) menunjukkan pertumbuhan yang baik. Namun keadaan juga tidak menentu disebabkan oleh peristiwa *Brexit* dan juga pemilihan presiden yang baru. Kedua-dua peristiwa ini akan mempengaruhi dasar ekonomi AS yang mungkin akan memberi kesan terhadap perdagangan dengan Malaysia.

Dengan latar belakang tersebut, ditambah pula dengan kadar inflasi yang rendah, maka dasar kewangan mengembang melalui pemotongan kadar OPR oleh BNM adalah

¹ Pandangan yang dikemukakan adalah milik pengarang dan tidak semestinya mewakili pandangan MIER.

pilihan terbaik. Malah, kadar inflasi terbaru yang dikeluarkan minggu lepas oleh Jabatan Perangkaan Malaysia menunjukkan kadar inflasi terus menurun kepada kadar 1.6%.

Namun untuk membuatkan dasar ini lebih efektif, BNM atau lain-lain agensi kerajaan yang berkenaan dijangka akan mengenakan strategi untuk menyalurkan kecairan ke arah perbelanjaan swasta sama ada badan perniagaan atau isi rumah kepada perbelanjaan yang lebih produktif. Dengan ini, pertumbuhan ekonomi akan berlaku dengan lebih pesat, berbanding dengan perbelanjaan yang kurang produktif.

Untuk memahami bagaimana kesan dasar kewangan mengembang dapat ditingkatkan untuk menjana pertumbuhan ekonomi, marilah kita lihat saluran-saluran bagaimana ianya berfungsi. Permintaan domestik terbahagi kepada dua komponen, perbelanjaan kerajaan dan swasta. Perbelanjaan swasta pula terbahagi kepada pelaburan dan penggunaan.

Untuk memaksimumkan pertumbuhan ekonomi melalui penurunan kadar faedah ini, penumpuan utama adalah terhadap peningkatan pelaburan. Apabila kecairan bertambah berserta kadar faedah yang rendah, aktiviti pelaburan meningkat kerana terdapat kemudahan kewangan dari sektor perbankan dengan kos yang murah. Peningkatan pelaburan akan meningkatkan peluang pekerjaan, yang seterusnya menggalakkan isi rumah berbelanja. Perbelanjaan isi rumah membantu mengembangkan aktiviti perniagaan. Kitaran ini berterusan dan membentuk kesan pengganda seterusnya mampu menjana pertumbuhan ekonomi.

Di dalam situasi semasa, perlu diingat bahawa aktiviti pelaburan akan menjadi lembap kerana kelemahan permintaan antarabangsa. Namun demikian aktiviti pelaburan mungkin meningkat sekiranya perbelanjaan domestik meningkat. Oleh itu, peningkatan kecairan serta penurunan kadar faedah ini juga dijangka turut disalurkan kepada kemudahan pinjaman untuk penggunaan swasta selain dari untuk pelaburan.

Untuk meningkatkan keberkesanan dasar ini isi rumah perlu dibudayakan dengan sikap mengutamakan barangan dan perkhidmatan tempatan di dalam membuat perbelanjaan. Ini bukan semata-mata untuk meningkatkan semangat patriotik, ianya mempunyai

implikasi yang besar terhadap pertumbuhan ekonomi. Ianya mampu membantu meningkatkan kejayaan pelaburan swasta serta mengurangkan ketirisan. Jika kita berbelanja barangan dan perkhidmatan tempatan, ianya membantu menjana pertumbuhan ekonomi domestik dengan meningkatkan proses pengandaan. Sebaliknya jika kita membeli barangan dan perkhidmatan luar, kita membantu menjana pertumbuhan ekonomi negara luar sambil mengurangkan proses pengandaan di dalam negara.

Malah negara maju seperti Amerika Syarikat sering berkempen “beli Amerika” (*buy America*). Dari sudut kerajaan, terdapat satu akta yang memerlukan perbelanjaan kerajaan mendahulukan barangan Amerika. Semangat ini seterusnya diterapkan ke dalam masyarakat sehingga terdapat badan-badan yang sering berkempen beli barangan Amerika walaupun harganya jauh lebih mahal atas alasan kualiti yang tinggi. Semangat ini juga turut menyemarakkan peningkatan keusahawanan yang seterusnya mampu menjana pertumbuhan ekonomi yang mapan.

Di dalam konteks Malaysia, negara merupakan salah satu kuasa eksport terbesar di dunia. Justeru, barangan tempatan yang dieksport sudah tentu mempunyai kualiti yang diterima di peringkat dunia. Dengan membeli barangan tempatan lebih banyak peluang pekerjaan boleh dicipta kerana permintaan bertambah. Perlu diingat bahawa permintaan luar kini di dalam keadaan lembap, maka permintaan untuk barangan Malaysia turut terjejas. Oleh itu semangat “beli barangan buatan Malaysia” perlu ditingkatkan.

Dari segi perkhidmatan, umpamanya rakyat perlu mengutamakan pelancongan domestik, lebih-lebih lagi dengan keadaan nilai ringgit yang kini masih rendah berbanding dengan dolar Amerika. Ianya bukan sahaja mampu menjana pertumbuhan ekonomi melalui peningkatan aktiviti ekonomi, tukaran asing juga mampu dijimatkan. Masih banyak destinasi pelancongan domestik yang perlu diteroka oleh rakyat. Umpamanya, aktiviti pelancongan di antara penduduk Sabah, Sarawak dan Semenanjung perlu digalakkan dan ditingkatkan. Mungkin strategi-strategi tertentu perlu digubal oleh badan-badan berkenaan untuk menggalakkan aktiviti-aktiviti

pelancongan di antara dua daratan yang dipisahkan oleh Laut China Selatan ini, di samping inisiatif individu.

Seperkara lagi, jika penurunan kadar faedah tidak berkesan menjana pertumbuhan ekonomi, sentimen pelabur akan turut terjejas. Maka dengan kadar faedah yang rendah berbanding dengan lain-lain ekonomi seperti AS yang berura-ura untuk menaikkan kadar faedah, aliran modal keluar akan berlaku. Ini adalah merupakan ketirisan yang akan melemahkan kesan penjanaan ekonomi negara.